

TEMA 7 : KELESTARIAN ALAM

UNIT 19 : CERIAKAN BUANA KITA

 Aktiviti

PAK-21 *Roam The Room*

Arahan:

- 1 Guru menyediakan tajuk untuk dibincangkan.
- 2 Murid bergerak secara individu untuk melihat hasil perbincangan atau hasil kerja rakan setelah mendapat isyarat daripada guru.
- 3 Apabila guru memberikan isyarat kedua, semua murid bergerak ke tempat asal dan membuat perkongsian dalam kumpulan berkaitan apa yang telah dipelajarinya daripada rakan atau kumpulan lain.

UNIT 20 : SELAMATKAN ALAM KITA

 Aktiviti

PAK-21 *Gallery Tour / Walk*

Arahan:

- 1 Guru memberikan suatu tajuk perbincangan.
- 2 Murid berbincang dalam kumpulan dan menulis di kertas sebak.
- 3 Murid menampal hasil kerja kumpulan di sudut tertentu.
- 4 Setiap kumpulan akan bergilir-gilir melihat hasil kerja kumpulan lain di setiap stesen dan menulis komen atau tambahan idea di kertas tersebut.
- 5 Setelah semua kumpulan selesai bergerak, murid dan guru akan berbincang dan berkongsi pengalaman.

UNIT 21 : TEKNOLOGI HIJAU

 Aktiviti

PAK-21 *Three Stay, One Stray*

Arahan:

- 1 Guru membahagikan murid kepada kumpulan berempat.
- 2 Tiga ahli kumpulan pergi melihat hasil kerja atau berbincang dengan kumpulan lain.
- 3 Seorang ahli tinggal di stesen untuk menyambut kedatangan rakan daripada kumpulan lain.
- 4 Ahli tersebut akan menjelaskan atau membentangkan hasil kerja kumpulan kepada ahli pasukan lain.
- 5 Setelah selesai, murid yang seterusnya pula tinggal dan begitulah seterusnya sehingga selesai.